

KOMPILASI SOALAN SESI KE 2 SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN

7 MAC 2023

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Adakah SME PERLU melaksanakan tadbir urus percukaian? sekiranya ya, ada risiko ke kepada SME yang tidak melaksanakan TCGF? contoh spt tindakan audit atau sebagainya?	<p>Program ini tidak ditawarkan kepada syarikat SME di peringkat fasa pengenalan ini. Walaupun kebanyakan rangka kerja tadbir urus cukai / panduan tadbir urus cukai disasarkan kepada syarikat besar, entiti tidak tersenarai termasuk perusahaan milik kerajaan, syarikat awam, perusahaan kecil dan sederhana (SME) dan pengantara pasaran modal adalah digalakkan untuk melaksanakannya.</p> <p>Syarikat SME dan entiti tidak tersenarai ini digalakkan untuk melaksanakan amalan ini bagi meningkatkan akauntabiliti, ketelusan dan kemampunan mereka.</p> <p>Sekiranya syarikat SME yang mempunyai tadbir urus percukaian ini terpilih untuk di audit, besar kemungkinan syarikat SME ini tiada isu ketidakpatuhan atau sebarang penemuan audit. Ini kerana, syarikat SME yang mempunyai tadbir urus percukaian semestinya mempunyai sistem kawalan dalaman yang baik dalam pengurusan risiko percukaian, dimana risiko cukai telah dikenalpasti dan telah diuruskan dengan sebaiknya.</p> <p>Entiti yang tidak melaksanakan tadbir urus cukai mungkin lebih terdedah kepada isu ketidakpatuhan yang boleh mendatangkan risiko dikenakan tindakan audit dan sebagainya.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, perlu diingatkan indikator ini bukanlah satu-satunya petunjuk risiko dalam pemilihan kes audit. Syarikat SME juga tiada keperluan untuk menerbitkan strategi percukaian syarikat mereka kepada pihak HASIL. Ini kerana HASIL melihat risiko secara keseluruhan berdasarkan semakan silang dan analisis maklumat lain dalam penilaian risiko pematuhan cukai.</p>

<p>2.</p>	<p>Siapa kah yang layak untuk semakan TCG ? Auditor atau akauntan luar ? Atau yang berpengalaman dalam tax ?</p>	<p>Rangka Kerja TCG mencadangkan bahawa penyemak bebas mestilah pengamal cukai bertauliah. Penyemak bebas ialah pihak pengurusan dan audit dalaman atau firma profesional yang dilantik oleh organisasi untuk melaksanakan semakan prosedur bagi pengurusan risiko cukai dan rangka kerja tadbir urus.</p> <p>Semakan TCG hendaklah dilaksanakan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ejen cukai yang diluluskan; atau ii. Juruaudit dalaman dengan kelayakan yang sesuai; atau iii. Penyemak bebas yang berkelayakan. <p>Catatan:</p> <p>(i). Maksud Ejen Cukai - Seksyen 153(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP): Bagi maksud-maksud Akta ini, "ejen cukai" ertinya mana-mana akauntan professional atau orang, yang diluluskan oleh Menteri.</p> <p>(ii). Audit dalam adalah fungsi dalaman perniagaan dan tidak diberikan kepada firma luar. Jika juruaudit dalaman bukan Pengamal Cukai Bertauliah (untuk tujuan menjalankan Semakan TCG), ahli pasukan Audit Dalaman boleh terdiri daripada kakitangan penasihat cukai dalaman organisasi atau perunding penasihat cukai luar yang merupakan Pengamal Cukai Bertauliah*. *Pengamal Cukai Bertauliah mestilah ahli Institut Cukai Bertauliah Malaysia (CTIM) atau Badan Profesional lain yang berkaitan, dengan sekurangkurangnya 5 tahun pengalaman percukaian.</p> <p>(iii). Penyemak bebas berkelayakan yang diluluskan oleh LHDNM. LHDNM boleh meminta maklumat tambahan, dokumentasi dan/atau mengatur mesyuarat tapisan untuk menilai pengalaman pasukan yang ditetapkan dalam mengenal pasti risiko cukai utama dan menjalankan semakan TCGF.</p>
-----------	--	---

<p>3.</p>	<p>Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh penasihat cukai dalam membantu syarikat membangunkan TCGF dan TCF?</p>	<p>TCGF memerlukan organisasi untuk mendokumentasikan secara rasmi strategi pengurusan cukai yang diguna pakai dan menyatakan dengan jelas akauntabiliti bagi strategi dan pengurusan risiko cukai tersebut. Ia juga memerlukan organisasi untuk menetapkan cara mereka menilai keberkesanan dan pematuhan kepada rangka kerja yang telah ditetapkan. TCGF sesebuah organisasi juga perlu disemak oleh penyemak bebas.</p> <p>Berdasarkan keperluan ini, penasihat cukai boleh memainkan peranan penting dalam...</p> <p>i). membantu dan menyediakan dokumen TCG (strategi cukai/dasar cukai/dokumen tambahan dll...)</p> <p>ii). mereka bentuk dan menyediakan rangka kerja kawalan yang boleh mengenal pasti dan menangani risiko perniagaan (termasuk risiko cukai),</p> <p>iii). mewujudkan mekanisme penilaian dan penilaian yang boleh mengukur risiko perniagaan dan keberkesanan rangka kerja kawalan mereka.</p> <p>iv). melakukan semakan untuk menambah baik rangka kerja kawalan</p> <p>v). lain-lain (jika perlu)</p>
<p>4.</p>	<p>LHDN akan mengeluarkan template laporan bagi dokumen / bukti semakan yang perlu dilaporkan kepada LHDN berkaitan TCGF?</p>	<p>Tiada template yang akan dikeluarkan. Ini kerana perbezaan industri, struktur, kompleksiti dan saiz syarikat.</p> <p>Tuan/puan boleh merujuk kepada TCG Framework, dan garis panduan yang telah kami keluarkan. Untuk pertanyaan lanjut, boleh menghantar email ke tcg@hasil.gov.my</p>
<p>5.</p>	<p>What is the difference between TCGF and Tax Compliance Certificate (TCC)? Will it be the case where taxpayers who required to apply for TCC is required to have a TCGF in place?</p>	<p>Untuk makluman, TCC diperlukan sebagai salah satu syarat untuk syarikat memohon tender-tender kerajaan. Pihak HASIL buat masa ini tidak mewajibkan syarikat yang ingin memohon TCC untuk mempunyai TCG.</p> <p>Pembayar cukai boleh mula menggunakan aplikasi e-TCC yang baru dilancarkan oleh HASIL untuk membuat permohonan.</p>

6.	<p>Will tax audit be still conducting on those company participate under TCG programme or complied to the TCG requirement? Is the fees incurred for appointing independent reviewer tax deductible?</p>	<p>Merujuk kepada perenggan 9 dari garis panduan terkini, menyatakan pembayar cukai yang memenuhi keperluan dan kriteria yang disenaraikan oleh HASiL adalah dianggap sebagai layak menikmati manfaat dari program ini dan tidak tertakluk kepada audit dan siasatan. Pihak HASiL turut melantik pegawai yang berkemahiran bagi membantu syarikat yang sedang berada dalam program TCG sekiranya terdapat sebarang isu-isu percukaian. Tuntutan yuran kepada penyemak bebas adalah tidak dibenarkan di bawah Seksyen 33(1) ACP 1967.</p>
7.	<p>Seperti yg dinyatakan tadi tawaran SVDP oleh lhdn, bgaimana ianya akan memberi kelebihan kpd syarikat yg ingin laksanakan tcg.</p>	<p>Program SVDP akan ditawarkan mulai Jun 2023 dan memfokuskan kepada tahun taksiran semasa dan kebelakangan. Manakala program TCG ini pula memfokuskan kepada pematuhan tahun taksiran ke hadapan. Kelebihan SVDP kepada syarikat yang akan melaksanakan TCG ialah syarikat telah pun mempunyai rekod yang baik dan tiada isu percukaian bagi tahun taksiran sebelumnya apabila syarikat menyertai program TCG kelak.</p>
8.	<p>For ongoing appeal case via Form Q, is the company eligible for TCG if the dispute has not been resolved?</p>	<p>Syarikat yang sedang di audit atau sedang mempunyai isu pertikaian Borang Q dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam program TCG. Isu percukaian yang timbul ini dijangka dapat diselesaikan semasa proses penilaian dan pemberian status TCG kepada syarikat berkenaan.</p>
9.	<p>Bagi kriteria TCG (listed company) perolehan RM 100 Juta - Adakah perolehan RM 100 Juta itu perlu dilihat dari entity level ataupun group level?</p>	<p>Kriteria perolehan RM100 juta adalah merujuk kepada entiti itu sendiri.</p>
10.	<p>How many companies participated the program to date?</p>	<p>Pelaksanaan program ini masih di fasa pengenalan, iaitu untuk mewujudkan kesedaran dan memberi maklumat kepada organisasi untuk menyertai projek pilot ini. Syarikat-syarikat yang ditawarkan di fasa projek pilot ini adalah syarikat yang di pilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Sehingga kini pihak HASiL telah menerima banyak maklum balas yang positif.</p>

11.	Sekiranya syarikat saya telah melaksanakan Tadbir Urus Percukaian, bagaimana untuk menyemak sama ada ianya selari dengan TCGF?	Syarikat boleh membuat self-review atau melantik independent reviewer bagi tujuan semakan dan penilaian sama ada pelaksanaan tadbir urus semasa adalah selari dengan TCGF. Sebagai rujukan, tuan/puan boleh merujuk kepada rangka kerja dan garis panduan yang telah kami keluarkan. Untuk pertanyaan lanjut, boleh kemukakan email ke tcg@hasil.gov.my .
12.	Apakah kriteria SME yang ingin memohon untuk menyertai program TCG terutama syarikat yang dikawal oleh pengarah serta saluran untuk menyertainya - melalui agen cukai atau terus ke LHDN.	Organisasi yang berminat untuk menyertai program ini boleh menghubungi HASiL dengan mengemukakan emel ke tcg@hasil.gov.my untuk mendapatkan maklumat lanjut. Hanya organisasi yang terpilih sahaja akan mendapat tawaran penyertaan.
13.	Bagaimana syarikat ingin melaksanakan TCGF? adakah ada panduan yang telah ditetapkan?	Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan TCG Framework & TCG Guidelines melalui Laman Web rasmi LHDNM di menu Perundangan > Rangka Kerja.
14.	What are among the policies that will be taken by LHDN in ensuring that all the 'Penyemak Bebas' did their work right?	Terdapat 3 peringkat semakan dalam program TCG, iaitu : (1) semakan sendiri, (2) Semakan oleh penyemak bebas, dan (3) Semakan oleh HASiL. Pihak HASiL tidak akan menyemak kerja yang dilakukan oleh Penyemak Bebas kerana penyemak bebas adalah orang yang berkelayakan untuk melaksanakan semakan tersebut. Skop semakan adalah untuk memberi jaminan bahawa pembayar cukai telah membayar jumlah cukai yang sepatutnya.
15.	What mainly this program focus for? For company level only?	Program TCG sesuai untuk semua jenis dan saiz perniagaan yang memberi keutamaan dan sumber kepada urusan tadbir urus korporat. Buat masa ini, Program TCG dilaksanakan secara pilot dan ditawarkan kepada syarikat besar yang layak.
16.	Siapakah yang layak mengaplikasikan TCGF? dan bagaimana TCGF works?	Program TCG sesuai untuk semua jenis dan saiz perniagaan yang memberi keutamaan dan sumber kepada urusan tadbir urus korporat.

17.	Will companies participating in this program be penalised if there is discovery of non-compliance in the process?	Sekiranya syarikat mendapati wujudnya isu ketidakpatuhan berkenaan semasa dalam proses penyediaan laporan TCGF, syarikat hendaklah membuat pengakuan sukarela kepada HASIL. Pengenaan penalti adalah mengikut peruntukan semasa yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, sekiranya syarikat telah diberikan status TCG, dan kesilapan berkenaan tidak dilakukan dengan sengaja untuk tujuan pengelakan cukai, maka pengenaan penalti yang lebih rendah akan dipertimbangkan, bergantung kepada setiap kes.
18.	Can i know which industry can be considered as pilot projects?	Program TCG di Malaysia sedang dilaksanakan sebagai projek pilot. Oleh itu, organisasi terpilih akan menerima jemputan daripada LHDNM untuk menyertai program ini. Organisasi lain yang berminat boleh menghubungi LHDNM melalui tcg@hasil.gov.my untuk memaklumkan minat mereka atau mendapatkan maklumat lanjut mengenai Program ini.
19.	Macam mana LHDNM category pembayar cukai sebagai Pembayar Cukai Terbaik?	Pembayar cukai terbaik di nilai berdasarkan pematuhan bayaran ansuran cukai dan tiada tunggakan.
20.	Bagaimana pembayar cukai dari sektor perniagaan SME dapat mengurangkan risiko audit cukai dan penyiasatan oleh pihak HASIL?	Pembayar cukai perlu mempunyai sistem penyimpanan rekod yang baik dan teratur, melaporkan pendapatan dengan betul dan teratur dan membayar cukai dengan sepatutnya.
21.	Langkah permulaan untuk menjayakan TCGF, mengapa tidak ada kerjasama di antara LHDNM dan agen cukai? seperti pendidikan/latihan, komunikasi khas di antara LHDNM dengan agen cukai dan sebagainya.	Pihak LHDNM telahpun mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak luar termasuk ejen cukai bagi menjayakan program TCG.
22.	Adakah TCGF dilaksanakan secara peringkat mulai 2023 ? Syarikat Kecil atau SME dikecualikan ?	<p>Buat masa ini Program TCG masih dilaksanakan secara pilot dan melibatkan syarikat dari kumpulan besar dan multinasional dimana penyertaan adalah secara sukarela.</p> <p>Syarikat kecil dan SME adalah digalakkan untuk melaksanakan tadbir urus percukaian dan mengamalkannya berdasarkan Rangka Kerja Tadbir Urus Percukaian (TCGF) dan garis panduan yang dikeluarkan mengikut kesesuaian.</p>

23.	Adakah konsep TCG ini akan menambahkan kos operasi perniagaan kepada sektor SME? Bagaimanakah Faedah dari TCG ini dapat mengatasi kosnya, kepada pembayar cukai?	<p>Lazimnya di peringkat awal pelaksanaan TCG, organisasi akan membelanjakan kos untuk merangka, membina dan melaksanakan rangka kerja kawalan percukaian (TCF) dan rangka kerja tadbir urus percukaian (TCGF). Kos ini bergantung kepada kompleksiti saiz, industri, struktur dan transaksi organisasi .</p> <p>Manfaat pelaksanaan TCG adalah seperti pengurangan aktiviti pematuhan daripada pihak pentadbir cukai, pengurangan risiko, kecekapan proses yang lebih besar, lebih banyak masa untuk organisasi tumpukan untuk aktiviti yang memberi nilai tambah kepada perniagaan.</p> <p>Penentuan 'cost-benefit' adalah berdasarkan penilaian organisasi.</p>
24.	Pada tahun 2024, fasa kedua adalah secara penuh. Adakah di sini bermaksud semua syarikat SMEs perlu/wajib menyertai TCGF ?	Sehingga kini, ketetapan pelaksanaan program TCG adalah secara sukarela dan ia berfokus kepada syarikat dari kumpulan besar dan multinasional.
25.	Will the tax agent be responsible if during the certified period the tax payer is being penalized for some non compliance?	Any noncompliance in the certified period will be handle on case-by-case basis. Taxpayer is responsible to appoint the qualified person to assist them with the tax matters.
26.	Any charges for participate the programme tcgf?	No.
27.	Pelaksanaan TCG akan menanggung beberapa kos kepada perniagaan. Adakah ini perbelanjaan dibenarkan untuk pelepasan/potongan?	Perbelanjaan ini adalah bersifat modal dan tidak dibenarkan untuk tolakan cukai di bawah Subseksyen 33(1) ACP 1967.
28.	Melalui pengalaman saya, kos untuk melaksanakan ISO melibatkan kos tahunan berjumlah berpuluh-puluh ribu. Berapa kos untuk melaksanakan TCG?	Kos terlibat bergantung kepada saiz sesebuah organisasi dan kompleksiti dalam pelaksanaan Tax Control Framework.
29.	Is TCGF eligible for Individu?	No.
30.	Berkenaan dengan perlantikan pegawai HASIL. Adakah syarikat	Dedicated tax officer dalam program TCG adalah pegawai LHDN yang merupakan pegawai rujukan (contact person) organisasi yg berada di

	perlu menanggung kos perlantikan ini?	cawangan LHDNM yang berkaitan. Tiada kos yang dikenakan kepada organisasi.
31.	TCG ini juga akan melibat individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan syarikat yang menyertai program ini. Adakah individu ini boleh menyertai sama TCG atau akan diambil bersama	Bagi syarikat yang menyertai program TCG, mereka diberi pilihan untuk memilih entiti yang ingin dilibatkan di dalam program. Entiti ini perlulah memenuhi syarat penyertaan yang telah ditetapkan oleh pihak HASiL.
32.	By implementing TCGF or TCF, does it help in improving company's profit?	The aim of TCG and TCF implementation is for better tax risk management and tax compliance. This will help the organisation avoid unnecessary cost in the future.
33.	Can MOF consider giving grants for Co to take part in TCGF?	-not relevant